

ANALISIS PROFIL RESPONDEN BAGI KAJIAN IMPAK AGIHAN ZAKAT DI KUCHING, SARAWAK

HADENAN TOWPEK* & MOHAMAD MAHADHIR MOHAMAD AZRI

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Sarawak, Malaysia

Received 6 May 2024: Revised 24 June 2024: Accepted 28 June 2024

ABSTRACT

The article investigates the demographic profile of *zakat* recipients in the Kuching District, Sarawak, and analyses the impact of *zakat* distribution on their lives. Based on various demographic factors such as age, gender, marital status, occupation type, and housing type, the study successfully identifies key aspects influencing the impact of *zakat* distribution among the *asnaf*. The findings indicate that *zakat* implementation in Sarawak has generally had a positive impact on poverty alleviation and improving the welfare of the *asnaf*. However, the study also identifies several challenges that need to be addressed to ensure *zakat* distribution achieves its goals more comprehensively and effectively. Among these are the needs to enhance the efficiency of data collection on the *asnaf*, improve *zakat* distribution mechanisms, and ensure that *zakat* aid truly reaches the neediest. Additionally, the study highlights the importance of skill development and education programs for the *asnaf*. Such programs are crucial in helping the *asnaf* break free from the cycle of poverty and achieve a more stable and prosperous life. By enhancing their skills and education, the *asnaf* can increase their capacity to generate their own income, thereby reducing long-term dependence on *zakat* assistance. Furthermore, the findings of this study provide valuable insights for *zakat* authorities in Sarawak in formulating more effective *zakat* distribution strategies in the future. It is hoped that *zakat* authorities will strengthen the *zakat* system in Sarawak, ensuring that it continues to function as an effective tool in eradicating poverty and enhancing the welfare of the *asnaf*.

KEYWORDS: ZAKAT DISTRIBUTION, ASNAF WELFARE, DEMOGRAPHIC PROFILE, POVERTY ALLEVIATION, DATA COLLECTION EFFICIENCY

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji profil demografi penerima *zakat* di Daerah Kuching, Sarawak, dan menganalisis kesan agihan *zakat* memberi kesan kepada kehidupan mereka. Berpandukan pelbagai faktor demografi seperti umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, dan jenis kediaman, kajian ini berjaya mengenal pasti aspek-aspek yang mempengaruhi kesan agihan *zakat* di kalangan *asnaf*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *zakat* di Sarawak secara umumnya telah memberi impak positif dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup *asnaf*. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran yang perlu diatasi untuk memastikan agihan *zakat* mencapai matlamatnya dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Antaranya ialah

* CORRESPONDING AUTHOR: Hadenan Towpek, Profesor Madya Dr., Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Sarawak (UiTM), Malaysia. E-mail: hadenan298@uitm.edu.my


keperluan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengumpulan data mengenai asnaf, memperbaiki mekanisme pengagihan *zakat*, serta memastikan bantuan *zakat* benar-benar sampai kepada golongan yang paling memerlukan. Selain itu, kajian ini juga menekankan kepentingan program-program peningkatan kemahiran dan pendidikan bagi asnaf. Program-program sebegini adalah penting untuk membantu asnaf keluar dari kitaran kemiskinan dan mencapai kehidupan yang lebih stabil dan sejahtera. Melalui peningkatan kemahiran dan pendidikan, asnaf dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk menjana pendapatan sendiri, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bantuan *zakat* dalam jangka panjang. Di samping itu, hasil kajian ini juga memberikan pandangan yang berguna bagi pihak berkuasa *zakat* di Sarawak dalam merangka strategi pengagihan *zakat* yang lebih berkesan pada masa hadapan. Dengan itu, diharapkan pihak berkuasa *zakat* dapat memperkukuhkan lagi sistem *zakat* di Sarawak, memastikan ianya terus berfungsi sebagai alat yang efektif dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup golongan asnaf.

KATA KUNCI: PENGAGIHAN ZAKAT, KEBAJIKAN ASNAF, PROFIL DEMOGRAFI, PENGURANGAN KEMISKINAN, KECEKAPAN PENGUMPULAN DATA

1. PENGENALAN

Dalam rukun Islam yang lima, rukun *zakat* sangat signifikan dengan rukun solat, bahkan hubungan keduanya tidak dapat dipisahkan, sebagaimana dibuktikan penggunaan perkataan *zakat* yang begitu kerap diulang-guna dalam al-Quran seiring dengan perkataan solat sebanyak 28 kali. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan keakraban dan hubungan yang signifikan dua perkataan ini khususnya dari sudut kefarduannya (Badarulzaman & Azhar, 2016). Lantaran itu, amalan ber*zakat* bukan sahaja meningkatkan syiar amalan wajib tetapi juga memberikan pemahaman dan falsafah yang penting dalam pembangunan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat. *Zakat* dikatakan mempunyai nilai sosioekonomi yang tinggi, selaras dengan fungsinya dalam merapatkan jurang kemiskinan dan membantu mengurangkan kos transaksi kehidupan asas, terutamanya bagi mereka yang mengalami kesulitan hidup yang meruncing (Al-Qardawi, 1981; Badarulzaman & Azhar, 2016). Justeru itu, *zakat* membantu menyerderhanakan kehidupan mereka yang terikat dengan jerat kemiskinan dengan pengisian keperluan asas yang sewajarnya untuk kelangsungan hidup yang ampuh.

Ironinya, dalam konteks Malaysia, terdapat penyelidik seperti Johari (2023) menyatakan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam kutipan dan pengagihan *zakat* di semua negeri, data menunjukkan bahawa ia masih belum digunakan sepenuhnya sebagaimana dilaporkan dalam Laporan *Zakat* 2008 (PPZ, 2009) dan Statistik Agihan *Zakat* Mengikut Negeri (JAWHAR, 2023). Bahkan Ibrahim (2006) yang mengkaji peranan *zakat* bagi memartabatkan kecemerlangan ummah juga menyimpulkan bahawa pengagihan pembayaran *zakat* kurang berkesan. Manakala Wahid and Abdul Kader (2009) dan Raja Ahmad *et al.* (2015) pula menimbulkan persoalan berkaitan masyarakat Islam di Malaysia yang tidak berpuas hati terhadap aspek pengagihan *zakat* oleh institusi *zakat*. Sentimen ini memomokkan fungsi institusi *zakat* yang kurang berkesan dalam pengurusan dana *zakat*. Sementara dalam konteks negeri Sarawak pula, realiti keperluan asnaf fakir dan miskin menjadi tumpuan kajian oleh Abdul Latif *et al.* (2021), dengan menyimpulkan bahawa terdapat golongan asnaf yang masih terbelenggu dengan masalah kemiskinan walaupun telah sekian lama menerima bantuan *zakat*. Dalam konteks ini, kumpulan penyelidik ini, sebagaimana ditunjukkan dalam Graf 1, merumuskan bahawa trend perbelanjaan bagi keperluan asas (daruriyyat) menunjukkan secara keseluruhannya seramai 61.2% responden daripada masyarakat Islam di Sarawak membelanjakan kurang daripada RM1000 sebulan, manakala 38.8% lagi membelanja antara RM1001 hingga RM2500 sebulan bagi keperluan asas tersebut.



GRAF 1: TABURAN PERBELANJAAN MINIMUM KEPERLUAN ASAS (DARURIYYAT)
 Sumber: Dipetik dari Abdul Latif *et al.*(2021)

Justeru itu, sekiranya isu-isu ini dibiarkan, ianya boleh menyebabkan matlamat *zakat* tidak tercapai, mungkin akan berlaku penurunan dalam keyakinan orang ramai dan penyertaan yang lebih sedikit.

Penelitian awal mendapati terdapat beberapa isu negatif yang dilontarkan oleh masyarakat berkaitan dengan aspek agihan *zakat*. Ironinya, meskipun *zakat* seharusnya menjadi alat pembebasan daripada kemiskinan, sebahagian masyarakat masih menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap pengurusan agihan *zakat* yang dianggap tidak berkesan. Ini menimbulkan persoalan bagaimana *zakat*, yang diiktiraf sebagai instrumen penting dalam mengurangkan jurang ekonomi, boleh meninggalkan asnaf dalam keadaan kemiskinan yang sama. Kritikan terhadap pengurusan *zakat* termasuklah isu penggunaan dana yang dilihat tidak optimum, tidak strategik, serta kurang menyentuh sasaran sebenar.

Justeru, artikel ini cuba merungkaikan secara lebih mendalam aspek pengagihan *zakat*, khususnya di Kuching, Sarawak, untuk memahami realiti dan punca isu-isu ini timbul berdasarkan perspektif *mustahiq* iaitu golongan asnaf khususnya fakir dan miskin. Dalam konteks Sarawak, istilah fakir berbeza dengan miskin, yakni fakir adalah individu yang tidak memiliki harta atau sumber pendapatan yang mencukupi untuk menampung separuh daripada keperluan hariannya. Pendapatannya kurang daripada 50% keperluan hidup. Manakala, miskin pula adalah individu yang pendapatannya melebihi 50% daripada keperluan harian, tetapi masih tidak cukup untuk menampung semua keperluan asasnya (Tabung Baitulmal Sarawak, 2024).

Apatah lagi penyelidik berpendapat bahawa dalam konteks selepas pandemik Covid-19, kemiskinan masih boleh dianggap sebagai masalah berulang di Sarawak, khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah, pekerja tidak formal, nelayan, petani kecil dan peniaga mikro. Walaupun fasa pemulihan ekonomi telah bermula, kesan kehilangan pekerjaan, penurunan pendapatan dan peningkatan kos sara hidup masih dirasai sehingga kini. Keadaan ini lebih ketara di kawasan luar bandar dan separa bandar yang bergantung kepada sektor tradisional. Fenomena ini berlaku secara merata tanpa mengira lokasi dengan kepadatan penduduk Muslim yang tinggi mahupun rendah.

Sehubungan itu, artikel ini menonjolkan perspektif asnaf fakir dan miskin dalam menimbangkan penerimaan mereka terhadap agihan agihan *zakat* yang diperolehi. Untuk itu, perspektif asnaf fakir dan miskin diteliti dari sudut profil mereka yang merangkumi sembilan elemen iaitu umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, jenis kediaman, jenis kawasan kediaman, jenis sumber air kediaman, jenis sumber elektrik, dan jenis tempat yang dirujuk ketika sakit.

Artikel ini secara amnya adalah merupakan suatu kajian ilmiah yang cuba meneliti dan menganalisis persoalan mengenai hubungan profil responden asnaf fakir miskin terhadap kesan agihan *zakat* di Sarawak. Oleh itu, artikel ini distruktur berdasarkan objektif untuk mengkaji hubungan responden asnaf *zakat* fakir dan miskin terhadap kesan agihan *zakat* di Sarawak khususnya di bahagian Kuching.

2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Teori agihan *zakat* merujuk kepada rangka prinsip syariah yang membimbing proses pengagihan harta *zakat* agar sampai kepada golongan yang benar-benar berhak berdasarkan lapan asnaf seperti yang ditetapkan dalam al-Quran (al-Taubah, 9:60). Ianya berasaskan konsep kecukupan (*had al-kifayah*), keadilan sosial dan keutamaan (*fiqh al-awlawiyyat*) bagi memastikan bantuan yang diberikan bukan sekadar bersifat sementara, tetapi mampu menjamin kelangsungan hidup asnaf dari aspek makanan, tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan keselamatan (al-Qaradawi, 1999; al-Zuhayli, 2002). Melalui pendekatan ini, *zakat* berfungsi sebagai instrumen penting untuk mengurangkan jurang kemiskinan serta menstabilkan sosioekonomi masyarakat Islam.

Dalam masa yang sama, teori agihan *zakat* turut menekankan pendekatan pembangunan dan pemerikasaan ummah, khususnya melalui agihan *zakat* secara produktif seperti pemberian modal perniagaan, latihan kemahiran dan sokongan keusahawanan, dengan matlamat mengubah kedudukan asnaf menjadi individu yang berdikari dan keluar daripada kitaran kemiskinan (Chapra, 2000; Hassan, 2010). Keseluruhan pendekatan ini bergerak seiring dengan objektif utama maqasid al-Syariah yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai asas kesejahteraan sosial dalam Islam (al-Ghazali; al-Shatibi).

Selanjutnya, agihan *zakat* sangat perlu dibuat penilaian impak sebagai aras pengukuran kepada kemajuan pengagihan *zakat* institusi *zakat* di Malaysia dalam melaksanakan program-program pembangunan asnaf dan masyarakat umum (Johari, 2023). Salah satu komponen dalam penilaian impak adalah berkaitan penerima *zakat*. Oleh itu, analisis profil penerima *zakat* dalam kajian kesan agihan *zakat* ini adalah penting kerana ianya memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang latar belakang dan keperluan golongan asnaf yang menerima bantuan *zakat*. Dengan menganalisis profil responden, pihak berautoriti *zakat* dapat mengenalpasti dan menetapkan penyesuaian agihan *zakat* berdasarkan keperluan spesifik. Umpamanya, dengan mengetahui profil demografi responden seperti umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, dan jenis pekerjaan membolehkan agihan *zakat* disesuaikan dengan keperluan khusus setiap kelompok asnaf. Sebagai contoh, asnaf yang lebih tua mungkin memerlukan bantuan dalam bentuk kesihatan, manakala yang lebih muda mungkin memerlukan bantuan untuk pendidikan atau latihan kemahiran. Dalam hal ini, Abu Bakar and Abd. Ghani (2011) mengesyorkan kepentingan mekanisme pengagihan *zakat* yang lebih berdaya tahan dapat menjadi alat yang paling berkesan untuk menjamin kualiti hidup yang lebih baik bagi penerima manfaat.

Dari satu sisi lain, Nawai and Ruzaiman (2022) memperjelaskan bahawa pengagihan *zakat* memberi kesan positif terhadap peningkatan pendapatan penerima. Selain itu, dana *zakat* juga meningkatkan simpanan penerima, yang merupakan salah satu alat berkesan dalam mengurangkan kemiskinan. Tambahan lagi, dapatan menunjukkan bahawa dana *zakat* boleh dianggap sebagai strategi dalam pembangunan ekonomi. Sehubungan itu, artikel ini juga mengetengahkan perbincangan berkaitan profil responden ini sebagai usaha untuk identifikasi cabaran sosioekonomi. Ia menjurus perbincangan dan analisis profil responden yang membantu mengenal pasti cabaran-cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh golongan asnaf. Ini termasuk memahami keadaan kehidupan mereka, seperti akses

kepada perkhidmatan asas, kesihatan, dan peluang ekonomi. Memahami cabaran ini penting untuk merancang program *zakat* yang lebih berkesan dan menyeluruh.

Dalam masa yang sama, kajian profil ini juga merupakan aktiviti berupa pengukuran impak agihan *zakat*. Lantaran itu, profil responden ini berjaya membantu dalam menilai sejauhmana agihan *zakat* telah memberi kesan kepada kehidupan penerima. Sebagai contoh, ianya boleh mengukur sama ada *zakat* telah membantu dalam meningkatkan taraf hidup mereka atau mengurangkan tahap kemiskinan dalam jangka panjang. Kajian Ibrahim (2008) dan Jehle (1994) dengan jelas membuktikan kesan positif agihan *zakat* dalam memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin.

Tanpa dinafikan juga kajian profil responden asnaf ini dapat meningkatkan tahap kecekapan pengagihan *zakat*. Dengan memahami profil penerima *zakat*, pihak pengurusan *zakat* dapat meningkatkan kecekapan dalam proses pengagihan. Ini termasuk memastikan bahawa bantuan sampai kepada mereka yang paling memerlukan dan bahawa sumber *zakat* digunakan dengan cara yang paling efektif. Dalam hal ini, Wahid *et al.* (2017) menjelaskan bahawa timbul isu ketidakcekapan agihan institusi *zakat* yang merosakkan imej badan pengagih *zakat*. Ia juga merupakan antara salah satu punca yang telah menjejaskan tahap keyakinan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan membayar *zakat* kepada institusi *zakat*. Ketidakcekapan agihan tersebut boleh dilihat melalui lebihan *zakat* yang tidak diagihkan dan kegagalan institusi *zakat* mengagihkan *zakat* kepada kelapan-lapan golongan asnaf dan tidak mengikut keutamaan asnaf.

Manakala satu segi yang lain, kajian profil ini juga merupakan berfungsi sebagai asas untuk usaha penambahbaikan polisi dan strategi *zakat*. Hasil analisis profil responden dapat digunakan sebagai asas untuk mencadangkan penambahbaikan kepada polisi dan strategi pengagihan *zakat*. Ini termasuk merangka program intervensi yang lebih efektif untuk golongan asnaf dan memastikan bantuan *zakat* benar-benar membawa perubahan positif dalam kehidupan mereka. Perkara ini boleh dikaitkan dengan rumusan Mansor *et al.* (2014) dalam membincangkan isu berkaitan pemerkasaan agihan *zakat* sebagai medium pembangunan masyarakat Islam. Kumpulan penyelidik ini menegaskan bahawa dengan menggunakan pengurusan pengagihan *zakat* yang berkesan, ia akan memberi kesan besar kepada golongan asnaf sehingga mereka boleh menjadi pembayar *zakat*, bukannya hanya penerima. Oleh itu, mereka akan berubah menjadi tenaga kerja produktif yang diperlukan oleh pembangunan ekonomi. Bagi pentadbir, pengagihan *zakat* perlu dilakukan dengan integriti, ketelusan, dan tanggungjawab untuk memastikan kejayaan dalam pengagihan serta menjadikan institusi tersebut terus berwibawa.

Secara keseluruhannya, analisis profil responden adalah langkah kritikal dalam memastikan bahawa agihan *zakat* di Kuching, Sarawak dilaksanakan dengan lebih adil, berkesan, dan memenuhi matlamat pembasmian kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan hidup golongan asnaf.

Kajian zakat di Sarawak

Sungguhpun tidak banyak kajian akademik yang dihasilkan berkaitan dengan *zakat* di Sarawak, namun terdapat beberapa penyelidik yang meneliti dan memperincikan skop kajian ini. Umpamanya kajian sekitar agensi yang mengurus *zakat* di Sarawak iaitu Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) boleh dirujuk dalam kajian tulisan Mosbi (2013) yakni kajian ini menerangkan peranan dan kedudukan *zakat* yang ditadbir oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Sementara kajian Abdul Kadir (2013) pula meneliti secara historis peranan Majlis Islam Sarawak dalam pembangunan pendidikan Islam melalui *zakat* bagi tempoh 1955 hingga 1990. Fokus kajian meliputi aspek kutipan, agihan dan pengoptimuman dana *zakat* dalam tempoh 35 tahun.

Dari sudut agihan *zakat*, kajian Abdul Latif (2019) membincangkan mengenai konsep agihan *zakat* yang memisahkan dua golongan fakir miskin yang mempunyai keupayaan dan tiada keupayaan. Konsep ini dilihat jelas meletakkan penentuan kadar agihan kepada skop yang lebih luas dan fleksibel. Kajian susulan boleh dirujuk dalam Abdul Latif *et. al* (2021) yang meneliti realiti keperluan asnaf

fakir dan miskin di Sarawak, menerangkan bahawa kejayaan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dalam meningkatkan perolehan kutipan *zakat*nya menunjukkan pencapaian yang membanggakan dari tahun 1999 hingga 2011.

Sementara Ag Omar (2019) pula menjelaskan analisis prestasi kecekapan agihan *zakat*: kajian di Tabung Baitulmal Sarawak menerangkan bahawa corak agihan TBS terbahagi kepada dua kategori iaitu agihan bentuk kewangan (jumlah lebihan *zakat*) dan agihan bukan kewangan (mengikut keutamaan asnaf). Perkara ini turut bertepatan dengan Garis Panduan Kadar Agihan Bantuan yang menyatakan bahawa terdapat 42 jenis bantuan yang diberi kepada asnaf di Sarawak.

Manakala Abdul Arrahmannia *et al.* (2022) meneliti mengenai kadar agihan *zakat* dan program pembangunan pendidikan asnaf di Sarawak bagi tahun 2016 hingga 2020 menerangkan bahawa Program Memantapkan Kebajikan Ummah khususnya memberikan bantuan *zakat* secara bulanan kepada asnaf fakir dan miskin. Bagi Mohamad and Wahid (2017) pula mengkaji persepsi dan pandangan terkini masyarakat Islam di Bintulu, Sarawak terhadap TBS. Hasil kajian menunjukkan bahawa masih lagi wujud persepsi yang tinggi dalam masyarakat Islam di Bintulu terhadap TBS namun terdapat tanggapan negatif terhadap pungutan *zakat* di Sarawak yang wujud hasil daripada viral negatif media sosial. Kajian ini mencadangkan agar pihak TBS perlu giat mempromosikan segala maklumat berkenaan gerak kerja yang dilakukan oleh TBS secara lebih teratur. Kajian beliau juga dapat menemukan penemuan baru berdasarkan kesimpulan yang dibuat.

Seterusnya kajian Md Radzi (2020) ini menilai kualiti hidup penerima bantuan *zakat* dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di Kuching, Sarawak. Statistik Tabung Baitulmal Sarawak menunjukkan peningkatan jumlah penerima *zakat* dari tahun 2015 hingga 2018, sejajar dengan kedudukan Sarawak sebagai negeri ketiga tertinggi kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 2016. Dapatan menunjukkan bantuan *zakat* berjaya meningkatkan taraf hidup asnaf. Penilaian dibuat berdasarkan konsep masalah Islam dan teori keperluan Maslow sebagai ukuran kualiti hidup.

Selanjutnya kajian Johar and Wah (2024) pula meninjau aspek *zakat* emas dan perak mempunyai peranan penting terhadap kesejahteraan sosial masyarakat. Namun, tahap pengetahuan dan pematuhan terhadap *zakat* ini masih rendah, khususnya dalam kalangan muzakki di Sarawak. Dapatan menunjukkan faktor sikap, sosial dan persepsi merupakan penentu utama pematuhan *zakat*, sekali gus menekankan keperluan pendidikan, penglibatan komuniti dan dasar sokongan.


Selain itu, kajian Mohamad and Wahid (2017) pula meninjau persepsi masyarakat Islam terhadap agihan *zakat* oleh TBS dan peranan medium promosi. Kajian ini berobjektifkan untuk mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap institusi *zakat* di Bintulu dalam mengagihkan *zakat* dan perkaitannya dengan peranan medium promosi yang telah digunakan oleh institusi tersebut. Hasil kajian mendapati majoriti masyarakat Islam di Bintulu amat bersetuju TBS telah memainkan peranan yang penting dalam mengagihkan *zakat* dan medium utama yang mereka kerap mendapat maklumat *zakat* adalah melalui *website* dan ceramah.

Kajian Abang Abai *et al.* (2013) pula menilai kesejahteraan hidup golongan muafiq di Kuching, Sarawak dari aspek ekonomi, pendidikan dan sosial hasil pelaksanaan agihan *zakat* oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Seramai sepuluh orang muafiq dan dua pegawai TBS ditemu bual melalui kaedah kualitatif berbentuk kajian kes. Dapatan menunjukkan muafiq menerima pelbagai bentuk bantuan kewangan dan pendidikan. Tahap kesejahteraan ekonomi berada pada tahap sederhana, pendidikan masih rendah, manakala aspek sosial memuaskan. Kajian turut menekankan keperluan penambahbaikan promosi dan pengurusan bantuan secara berterusan.

Rumusannya, kajian-kajian lepas menumpu tadbir urus, agihan, persepsi, kesejahteraan asnaf dan muafiq, serta pematuhan *zakat* emas, menunjukkan peranan penting Tabung Baitulmal Sarawak dan keperluan penambahbaikan berterusan dalam pembangunan sosial negeri. Lantaran itu, artikel ini pula memperincikan aspek profil responden dalam agihan *zakat* khususnya di Daerah Kuching Sarawak.

3. METODOLOGI KAJIAN

Dalam konteks artikel ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah utama dalam proses pengumpulan dan pemerolehan data. Ianya terdiri daripada kajian perpustakaan (*library research*), kaedah temubual dan kaedah tinjauan. Kaedah temubual dilaksanakan bersama dua orang pegawai yakni *Encik A*, Ketua Bahagian Kebajikan TBS, dan *Encik B*, Bahagian Penyelidikan TBS, dan dibuat pada 24 Ogos 2023, jam 10.30 pagi, di Ibu Pejabat Tabung Baitulmal Sarawak, Lot 3293, Blok 217, North Land District, Jalan Batu Kawa, 93250 Kuching, Sarawak. Selanjutnya artikel ini mengaplikasi prosedur analisis data, iaitu dengan menjelaskan bahawa penganalisan data perlu dibuat berdasarkan jenis data. Semua data kualitatif dianalisis secara naratif. Proses analisis data kualitatif yang diperolehi melalui dokumen, dan data kuantitatif menggunakan aplikasi SPSS bagi mendapatkan analisis deskriptif terhadap profil responden, yang diperolehi dari data survei. Penentuan saiz minimum sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970) yakni jumlah populasi fakir miskin yang menetap di Daerah Kuching adalah (N=800) (Temubual 1, 2023), manakala saiz minimum responden (S=260). Namun, penyelidik telah mengagihkan dan mengumpulkan jumlah tinjauan soal selidik berdasarkan jumlah sebenar populasi iaitu sebanyak 265 responden. Hal ini dilakukan bagi mengambil kira faktor tinjauan soal selidik yang tidak dikembalikan, tidak dijawab dengan lengkap dan *outliers*. Ini bermakna penyelidik membuat kutipan jumlah sampel yang melebihi daripada jumlah taburan tinjauan soal selidik. Sementara elemen-elemen yang diteliti daripada profil responden survei terdiri daripada 9 perkara sebagaimana ditunjukkan dalam rajah di bawah.



RAJAH 1: ELEMEN-ELEMEN PENELITIAN DALAM PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN

Sumber: Olahan penulis

4. PERBNCANGAN DAN DAPATAN

Analisis demografi responden adalah penting dalam kajian kerana ia menyediakan maklumat asas tentang ciri-ciri populasi yang dikaji. Dalam kajian ini, analisis berkaitan demografi responden merangkumi data-data seperti umur, jantina, status perkahwinan, jenis pekerjaan, jenis kediaman, jenis kawasan kediaman, jenis sumber air kediaman, jenis sumber elektrik, dan jenis tempat yang dirujuk ketika sakit. Butiran data-data seperti di atas penting bagi memahami dan mengenalpasti profil responden. Ini membantu penyelidik memahami latar belakang responden, yang boleh mempengaruhi pandangan, sikap, dan tingkah laku mereka terhadap topik kajian. Ini penting untuk menilai sama ada sampel kajian adalah representatif bagi populasi yang lebih besar. Selain itu, butiran data profil responden juga dapat memandu penyelidik untuk mengenalpasti corak dan trend tertentu dalam kumpulan responden. Sebagai contoh, mungkin terdapat perbezaan dalam sikap atau pendapat berdasarkan umur atau jantina, yang boleh memberikan wawasan penting untuk kajian tersebut.

Secara keseluruhannya, analisis demografi adalah elemen penting dalam memastikan kajian dijalankan secara holistik, adil, dan tepat, serta memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai hasil kajian.

Taburan Responden Mengikut Umur

Taburan responden mengikut umur dalam kajian ini adalah sangat penting berdasarkan keperluan dan kepentingan tertentu. Umpamanya, data taburan responden ini menyediakan maklumat mendalam mengenai bagaimana umur boleh mempengaruhi hasil kajian. Ia juga membantu penyelidik memahami komposisi umur dalam sampel kajian. Ini penting untuk memastikan bahawa semua kumpulan umur yang relevan diwakili, terutamanya jika kajian melibatkan populasi yang luas atau mempunyai variasi umur yang besar. Dengan mengetahui dengan jelas profil responden juga penyelidik boleh melakukan analisis perbandingan antara kumpulan umur yang berbeza. Ini membolehkan kajian yang lebih mendalam mengenai bagaimana umur mempengaruhi perspektif, tingkah laku, atau hasil yang dikaji. Dalam kajian ini, taburan responden mengikut tahap umur boleh ditunjukkan dalam Jadual 1 sebagaimana dipaparkan bawah.

JADUAL 1: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT TAHAP UMUR

Tahap Umur	Kekerapan	Peratusan
20 tahun dan ke bawah	74	27.9
21 tahun hingga 40 tahun	80	30.2
41 tahun hingga 60 tahun	56	21.1
61 tahun dan ke atas	55	20.8
Jumlah	265	100.0

Sumber: Data soal selidik (2024)

Jadual 1 di atas menggambarkan taburan umur responden dalam kajian ini, yang merangkumi pelbagai kumpulan umur. Daripada 265 orang responden yang terlibat, kumpulan umur yang paling ramai diwakili adalah dari lingkungan 21 hingga 40 tahun, dengan 80 orang atau 30.2% daripada keseluruhan responden. Ini menunjukkan bahawa golongan dewasa muda hingga pertengahan merupakan kumpulan yang paling dominan dalam kajian ini, yang mungkin mencerminkan keberkaitan isu yang dikaji dengan golongan ini atau keterbukaan mereka untuk terlibat dalam soal selidik. Manakala kumpulan umur kedua terbesar ialah 20 tahun ke bawah, yang merangkumi 74 orang atau 27.9% daripada responden. Ini menunjukkan bahawa kajian juga mendapat penyertaan yang signifikan daripada golongan remaja dan belia, yang mungkin mempunyai pandangan atau pengalaman yang berbeza berbanding golongan dewasa. Majoriti golongan ini adalah penghuni rumah kebajikan Islam seperti Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Sarawak (Peryatim Sarawak).

Seterusnya kumpulan umur 41 hingga 60 tahun menyumbang 21.1% daripada responden, dengan 56 orang dalam lingkungan umur ini. Ini mencerminkan penyertaan yang sederhana daripada golongan yang lebih matang, yang mungkin membawa perspektif yang lebih berpengalaman dalam kajian ini. Akhir sekali, kumpulan umur 61 tahun dan ke atas merangkumi 55 orang atau 20.8% daripada responden. Walaupun merupakan kumpulan yang paling kecil, kehadiran golongan warga emas ini tetap penting kerana mereka mungkin menawarkan pandangan yang berbeza berdasarkan pengalaman hidup yang lebih panjang.

Secara keseluruhannya, taburan responden mengikut umur dalam kajian ini menunjukkan penyertaan yang baik merentasi semua kumpulan umur, dengan kehadiran yang paling tinggi dari golongan dewasa muda. Ini memberi gambaran yang seimbang tentang pandangan dari pelbagai peringkat umur, yang boleh menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih menyeluruh dan mewakili populasi yang lebih luas.

Taburan Responden Mengikut Jantina

Seterusnya analisis demografi responden kajian ini dilanjutkan dengan mengkhususkan kepada jenis jantina responden. Data ini adalah penting kerana ia memberikan pemahaman yang mendalam tentang perbezaan atau persamaan pandangan, sikap, dan pengalaman antara lelaki dan wanita. Umpamanya, dengan menganalisis taburan responden mengikut jantina membantu memastikan bahawa kajian ini mengambilkira pandangan dari kedua-dua jantina, yang menjadi faktor mempengaruhi pandangan atau tingkah laku responden terhadap topik kajian. Taburan mengikut jantina membolehkan penyelidik mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita, yang mungkin penting dalam memahami fenomena yang dikaji. Secara keseluruhannya, taburan responden mengikut jantina adalah kritikal untuk memastikan kajian yang dijalankan adalah relevan, dan tepat, serta menyediakan data yang boleh membantu dalam memahami dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan jantina dalam konteks kajian.

Sehubungann dengan itu, dapatan daripada tinjauan survei menunjukkan taburan yang signifikan terhadap jenis jantina responden. Ia boleh ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT JANTINA

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	102	38.5
Perempuan	163	61.5
Jumlah	265	100.0

Sumber: Data soal selidik (2024)

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dalam kajian ini. Berdasarkan data yang diperoleh daripada tinjauan survei, terdapat perbezaan yang ketara dalam perwakilan jantina di kalangan responden. Dari keseluruhan 265 responden, 163 orang (61.5%) adalah perempuan, manakala 102 orang (38.5%) adalah lelaki. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki, dengan perbezaan sebanyak 23%. Perbezaan ini mungkin mencerminkan minat yang lebih tinggi dalam kalangan perempuan untuk menyertai kajian ini, atau mungkin juga disebabkan oleh faktor lain seperti ketersediaan responden atau relevansi topik kajian kepada mereka.

Taburan ini penting untuk difahami kerana jantina boleh mempengaruhi pandangan, pengalaman, dan sikap terhadap isu yang dikaji. Dengan majoriti responden terdiri daripada perempuan, dapatan kajian ini mungkin lebih mencerminkan pandangan atau pengalaman golongan wanita. Namun, peratusan lelaki yang juga signifikan memberikan dimensi yang penting untuk analisis perbandingan antara kedua-dua jantina.

